

## BERDAKWAH SECARA HALUS MENERUSI SALAWAT DULANG

Adriyetti Amir

---

### Pengenalan

**S**alawat dulang adalah salah satu sastera lisan Minangkabau, Genrena bukan *kaba* dan teksnya membawakan ajaran agama Islam. Dengan ini tampak bahawa sastera Minangkabau bukan hanya *kaba*. Akan kita bincangkan nanti bahawa sastera lisan bukan hanya berbentuk prosa liris dan pantun, tetapi juga syair.

Terdapat beberapa fenomena yang terkandung dalam genre salawat dulang ini. Pertama, pertunjukan sastera ini dilakukan dengan mendendangkan teksnya yang diiringi dengan tabuhan pada dulang. Dulang itu berbentuk bulat, terbuat daripada kuningan, dan garis tengahnya kira-kira 65 cm. Dalam adat Minangkabau, dulang ini sangat signifikan untuk upacara rasmi. Untuk kesenian ini, dulang adalah instrumen pengiring pendendangan. Irama pendendangannya sangat bervariasi, sama ada *lagu lamo* (lagu lama), dan lagu-lagu yang tengah popular di tengah masyarakat sekarang, terutama lagu dangdut. Istilah “lagu” yang digunakan di sini bermakna irama, bukannya lagu sebagaimana yang kita kenal sekarang (iaitu *song*). Dalam sastera lisan Minangkabau, jika disebut “lagu”, maka yang dimaksudkan ialah irama (*rhythm*) atau jenis irama. Misalnya jika dikatakan lagu *Piaman lamo*, ertinya irama *Piaman lamo*.

Selain itu, lagu-lagu tradisional ataupun lagu pop Minangkabau Juga didendangkan. Lagu lama, iaitu lagu asli salawat dulang sudah tidak digunakan lagi. Hampir tidak ada lagi tukang salawat yang dapat menyanyikan lagu itu. Yang hidup sekarang ialah lagu dangdut atau lagu popular yang secara umum disebut “lagu maso kini” sahaja. Terdapat juga irama qasidah. Sehingga awal tahun 1990-an masih terdapat dua kumpulan atau kelab yang dapat membawakan lagu lama, iaitu Kelab Gas Beracun dan Kelab Piriang Talayang. Tuo Kelab Piriang Talayang sudah meninggal, sedangkan Kelab Gas Beracun sudah pudar popularirinya disebabkan para pendengar lebih memilih lagu yang lebih bervariasi.

### Jenis Lagu Yang Dinyanyikan

Penggunaan jenis lagu ini pada awalnya dilakukan secara “coba-coba” saja. Apabila khalayaknya menerima, variasi lagu semakin banyak. Maka sejak tahun 80-an penggunaan lagu kini, terutama dangdut semakin menjadi “keharusan” dalam setiap persembahan. Khalayak pendengarnya menuntut lagu-lagu sedemikian, sehingga ada kelab-kelab yang terkenal dengan lagu dangdutnya seperti Kelab Kilek Barapi, Kelab DC-8, dan sejak kebelakangan ini muncul pula Kelab Langkisau. Bagi masyarakat khalayaknya, fenomena ini membawa dilema yang tersendiri. Pertama khalayaknya membelah, iaitu khalayak tua

dan muda, sementara kedua, pengundangnya memesan jenis lagu yang perlu dinyanyikan. Khalayak tua tidak menerima dendangan salawat dulang dengan irama yang demikian rancak kerana itu akan melalaikan orang. Dengan itu apabila yang diundang adalah kelab-kelab yang sudah terkenal dengan lagu dangdut, maka khalayak tua — meskipun sekarang jumlahnya sedikit — keberatan untuk hadir. Ternyata alas an yang diberikan bukan semata-mata soal lagu, tetapi sikap khalayak terhadap lagu yang dinyanyikan itu. Apaila salawat dulang didendangkan dengan lagu yang begitu rancak, khalayak juga bersikap agak bebas. Mereka bersorak, kadang-kadang sehingga berjoget. Keadaan ini menyinggung harga diri kelompok tua kerana bagi mereka salawat dulang adalah *mambaco kaji*, iaitu membincangkan ajaran agama.

Selain itu, penampilan lagu-lagu rancak itu, biasanya bertema cinta, membuat mereka berasa malu untuk duduk di arena pertunjukan itu. Mereka malu mendengar lagu-lagu demikian *di dekat semenda*, dekat *mamak rumah* (saudara laki-laki). Dengan itu mereka memilih untuk keluar dari *galanggang*. Dalam penelitian saya di Batipuh, Tanah Datar pada tahun 1992, saya menemui seorang pemuka masyarakat yang mengadakan pertunjukan salawat dulang dengan mengundang kelab *aliran tuo*, iaitu Kelab Gas Beracun dan Kelab Piriang Talayang. Kedua-dua kelab ini terkenal dengan aliran tuanya. Yang menariknya, sebulan sebelum itu pertunjukan di tempat yang sama telah diadakan di situ. Alasan mengadakan kembali pertunjukan itu ialah kerana kecewa dengan pertunjukan sebelum itu yang terlalu banyak lagu dangdut sehingga *terluput kaji*.

Cara kedua adalah dengan memesan kepada tukang salawat agar tidak membawakan lagu dangdut, melainkan lagu qasidah atau lagu-lagu nasyid. Jika dengan lagu qasidah, khalayak tua akan bertahan duduk di tempat pertunjukan. Demikianlah dilema dalam pertunjukan salawat dulang. Daripada pihak tukang salawat pula, ada yang berkeinginan untuk memilih jalan tengah, iaitu dengan menyampaikan *buah nan rancak jo lagu nan sero* (isi yang baik dengan lagu yang enak), tetapi itu tidak sesederhana syair itu bagi khalayaknya.

## Pertunjukan Salawat Dulang

Pertunjukan salawat dulang dilakukan oleh sekurang-kurangnya dua kelab *tukang salawat*. Kelab adalah istilah untuk menyatakan kelompok. Sebuah kelab terdiri daripada dua orang, iaitu seorang *tuo* (senior) kelab itu dan seorang lagi *garobak* atau *daresi*, iaitu anggota. Dalam mengira kelab, kumpulan itu tidak dikatakan klub, melainkan tandaian. Jadi dikatakan dua tandaian atau tiga tandaian yang akan tampil. Tidak mungkin dipertunjukkan hanya oleh sebuah kelab kerana di dalam teksnya terkandung pertanyaan yang menghendaki dijawab oleh kelab lain. Bahagian bertanya jawab ini merupakan bahagian inti dan sangat menarik kepada khalayak. Dalam *register* Minangkabau, ini disebut *bacaran* atau “bertengkar”. Pada tahun 50-an, setiap kelab itu harus dapat menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh kelab lain. Jika soalan itu tidak dapat dijawab, keadaan ini akan memalukan kelabnya, dan seterusnya memalukan suraunya. Khalayak pun akan mengejek dan mencemuh mereka. Pada masa itu mungkin terjadi *lari tangah malam* jika tidak dapat menjawab pertanyaan dengan tepat. Ertinya tukang salawat itu akan pergi sembunyi-sembunyi sebelum pertunjukan selesai jika tidak dapat menjawab pertanyaan kelab lawannya.

Tiap-tiap kelab itu mempunyai nama yang bernuansa dahsyat dan agresif seperti Kilek Barapi (kilat berapi), Peluru Kendali (peluru berpandu), Jet Mustang, Apollo 11, DC 8, Garuda Minang, dan Sinar Laser. Sejak kebelakangan ini, timbul pula nama-nama yang bernuansa baru, seperti Arjuna Minang. Nama yang akhir ini memberi kesan campuran Jawa Minang. Hal ini berbeza dengan grup kesenian lain yang mengambil nama bernuansa melankolik seperti grup *randai* Puti Bungsu, Talipuak Layua, Intan Korong, dan Palito Nyalo.

Satu hal lagi yang menarik ialah bahawa tukang salawat itu senantiasa laki-laki. Keadaan ini di satu segi memang bertepatan dengan pandangan bahawa sastera lisan adalah *men's world*. Tetapi dalam dunia salawat dulang ada pula pertimbangan syariat, iaitu bahawa suara perempuan adalah aurat. Hal ini juga disebabkan salawat dulang sering dipertunjukkan di surau atau di masjid, sedangkan perempuan tidak boleh duduk di dalam masjid jika sedang haid. Soalnya, bagaimana mereka akan bersalawat di dalam masjid jika sedang haid, sedangkan mereka tidak boleh membatalkan janji jika kontrak sudah dibuat. Setidak-tidaknya, itulah alasan dari pihak tukang salawat — laki-laki. Nyatanya sehingga sekarang, khalayak masih belum menerima tukang salawat perempuan. Faktor lain menyebabkan sukarnya terbentuk kelab salawat dulang perempuan ialah sukarnya untuk menyatukan mereka, lebih-lebih lagi apabila anggota kelab perempuan itu berkahwin. Kelab yang ada terpaksa bubar apabila anggota kelab perempuan itu dibawa suaminya ke tempat lain.

Kelab mana yang akan diundang untuk sesuatu pertunjukan ditentukan oleh tuan rumah. Maka boleh jadi untuk suatu pertunjukan akan diundang sebuah kelab dari Batusangkar dan sebuah kelab dari Sawah Lunto.

Ketiga, sastera lisan ini mengandung ajaran Islam. Di sini dinyatakan mengandung ajaran Islam karena teksnya memang berisi ajaran Islam, bukan hanya “bernuansa” Islam, tetapi juga berisi topik ajaran Islam. Pada banyak teks, bahagian isinya dimulai dengan kutipan al-Quran ataupun hadith, lalu diikuti dengan syarahannya.

Apabila ditanyakan kepada tukang salawat apakah ia berasa berdakwah, ia menjawab bahawa memang salawat dulang itu berdakwah, iaitu dakwah yang didendangkan. Dengan kata lain mereka berdakwah dengan cara halus. Sebaliknya, khalayak —sekarang hanya khalayak tua — pun berfikir bahawa mendengar salawat adalah mendengar syarahan agama. Akan tetapi apabila tukang salawat ditanya apakah ia seorang ulama, mereka menafikannya. Dulu, anggota Kelab Gas Beracun dan Piriang Talayang mengatakan bahawa mereka pakiahan langkop (fakih lengkap; maknanya ulama amatur) atau fakih yang hanya boleh serba sedikit sahaja. Jawaban mereka itu dapat diterima kerana mereka sememangnya pernah bersekolah ugama. Bahkan Basir Malin Sati daripada Kelab Piriang Talayang, sehingga akhir hayatnya masih taat basapa ke Ulakan, pusat tarikat Syatariyah. Basapa dalam masyarakat Minangkabau ertiinya pergi ziarah ke makam Syeh Burhanuddin di Ulakan, Pariaman pada bulan Syafar dan tinggal di sana beberapa hari (dahulu sampai 40 hari). Menurut ajaran itu, jika tujuh kali berturut-turut pergi basapa, darjatnya sama dengan mengerjakan haji.

Tukang salawat yang lain tidak merasa dirinya sebagai fakih. Mereka tukang salawat sahaja. Bahkan pada tahun 1992, seorang informan saya, Henri, baru berumur 13 tahun. Ia mengaku tidak mengerti makna kaji (syarahan) itu, sebaliknya ia hanya menghafalkan teks yang diberikan bapanya.

Keempat, teks salawat dulang ini berbentuk syair. Satu kali penampilan dari satu kelab, teksnya terdiri dari tiga bahagian, iaitu bahagian katubah (*khotbah*; iaitu pembukaan). Dalam contoh teks baris 1-70). Seterusnya bahagian batang, iaitu bahagian

isi; bahagian yang pokok dari sebuah pertunjukan. Dalam bahagian ini terdapat bahagian pengajian (syarahan), menjawab tanya, dan memberi pertanyaan. Yang terakhir bahagian panatuik (penutup), berisi persilahan kepada kelab berikutnya untuk tampil menyampaikan kaji yang dalam dengan lagu yang rancak. Dalam bahagian ini biasanya digunakan syair-syair jenaka ataupun pantun-pantun yang bertema tasawuf, misalnya:

Urang Malalo gilo babiduak  
Urang Sumani gilo basampan  
Lah gilo sagalo mukaluak  
Tuhan didiri nan batanyakan

(Orang Malalo gila berbiduk  
Orang Sumani gila berbiduk  
Telah gila segala makhluk  
Tuhan di diri yang ditanyakan)

Salawat dulang yang penampilananya antara 30 hingga 40 minit terdapat di semua daerah di Minangkabau-Sumatera Barat. Ini menunjukkan bahawa kesenian ini milik semua daerah. Hal ini penting dinyatakan kerana dalam tradisi Minangkabau, setiap daerah mempunyai keseniannya sendiri. Orang-orang dari daerah lain mengapresiasinya juga. Mereka yang ingin menikmatinya, mestilah mengundang kelab-kelab yang ada ke ‘daerah asal’nya. Contohnya dendang pauah. Orang boleh mengundang tukang dendang dari Padang dibawa ke daerah mereka. Begitu juga yang lain, misalnya Rabab Pariaman berasal dari Pariaman, Rabab Pasisia berasal dari Pesisir Selatan, atau sijobang berasal dari Payakumbuh. Jika orang dari daerah lain ingin menikmatinya mereka boleh mengundang ke daerah asalnya.

Demikianlah salawat dulang merupakan kesenian semua daerah di Sumatera Barat-Minangkabau. Jika dibandingkan dengan randai —teater tradisional Minangkabau— didapati ada perbezaannya. Pada asasnya randai juga terdapat di mana-mana di seluruh daerah Minangkabau. Teksnya adalah kaba, berbentuk prosa liris dan pantun. Tiap kelompok randai yang terdiri daripada sekitar 25 orang mempunyai kaba sendiri. Jika dipandang sudah lama, mereka akan menukar kabanya. Tidak demikian dengan salawat dulang. Semua teksnya sama pada tiap tukang salawat (ini fenomena hari ini). Tidak terdapat teks yang popular di satu tempat tetapi tidak popular di daerah lain. Pada salawat dulang, jika pertunjukan akan berakhir, tuo kedua-dua kelab akan tampil untuk bergabung, tidak kira dari daerah mana pun mereka. Hal ini tidak terjadi pada randai.

### **Pertunjukan Salawat Dulang**

Salawat dulang biasa dipertunjukkan pada suatu peringatan keagamaan, terutama Maulud Nabi, pada 11 hb Rabiul Awal malam. Pertunjukannya senantiasa dilaksanakan di dalam ruangan, di tempat yang dipandang terhormat oleh masyarakat Minangkabau, seperti di surau atau di masjid. Jika pertunjukan diadakan di rumah penduduk, tukang salawat akan didudukkan di ujuang (*ujung; maknanya arah ke kiri dari pintu masuk utama rumah*). Selain untuk memperingati Maulud, salawat dulang juga dipertunjukkan untuk memeriahkan hari-hari besar Islam seperti khata'at al-Quran. Biasanya pada waktu siang hari khata'at Quran diadakan, waktu malam hari pula bersalawat.

Akan tetapi yang penting disampaikan di sini adalah bahawa salawat dulang juga dipertunjukkan untuk menghimpun dana (*fund raising*). Untuk itu, setelah satu kelab tampil, dilakukan pengumpulan dana, baik dengan menyebut saja siapa menyumbang berapa ataupun dengan melaksanakan lelong. Yang dilelong adalah *kue gadang* (*cake*), ataupun nasi pulut dengan ayam panggang, ataupun *apik ayam* (ayam panggang).

Kegiatan *fund raising* ini dilakukan juga dengan sastera lisan yang lain, seperti lelang dendang (pertunjukan dendang dengan irungan *saluang* (instrumen tiup); mendendangkan pantun-pantun), randai, dan rebab. Jadi, ini sudah merupakan hal yang biasa. Ini tentu saja berkaitan dengan *mamangan* adat (etos) masyarakatnya *mampakabek kain dipinggang* (mengemas kain di pinggang; ertinya berusaha mengurus diri sendiri); tagak badunsanak paga dunsanak, tagak banagari paga nagari (adat bersaudara pagar saudara, adat bernegeri pagar negeri: ertinya memelihara dan melindungi saudara dan kampung). Jadi, untuk kepentingan negeri awak, usahakan sendiri; tidak mengharap dan menunggu pemberian orang. Agaknya ini pula sebabnya jika ada sokongan wang daripada kerajaan pusat, orang Minangkabau tidak menerima dengan gegap gempita. Mereka bersikap biasa sahaja.

## Kesimpulan

Demikianlah gambaran salawat dulang dalam sastera lisan Minangkabau. Adalah lojik jika timbul pertanyaan, bahawa sedemikian rupa ajaran agama Islam di dalam teks salawat dulang itu, bagaimana mungkin didendangkan dengan irama lagu-lagu popular yang tentu saja asosiasinya duniawi.

Dalam sastera Minangkabau tidak timbul masaalah sastera sakral dan sastera profan. Sastera Minangkabau adalah sastra duniawi. Dan itu termaktub dalam fahaman bahawa berkesenian adalah *badunia* (berdunia). Pergi menghadiri pertunjukan sastera lisan adalah *badunia*. Itu sebabnya ukuran keduniawian lebih besar dibanding ukuran ukhrawi dalam kesenian Minangkabau. Mungkin ini juga terjadi di dunia Melayu yang lain.

Selain untuk hiburan, menyampaikan pelajaran, pertunjukan sastera lisan juga digunakan secara praktikal untuk menghimpun wang bagi pembinaan sesuatu fasiliti umum (*public facilities*) seperti masjid, mushalla, dan gelanggang sukan. Salawat dulang pun digunakan untuk itu di samping untuk menghimpun dana (*fund raising*). Ini semua kegunaan praktikal dari sudut “dalam” teks pertunjukan itu. Satu hal pula yang harus disebut di sini ialah bahawa sastera lisan juga digunakan untuk menyampaikan maklumat kerajaan kepada rakyat. Keadaan ini, diakui atau tidak, membantu sastera tradisional bertahan hidup.

Dari hal-hal di luarnya, pertunjukan sastera lisan mempunyai fungsi sosial yang sangat kuat dalam tradisi Minangkabau. *Galanggang* yang dalam pertunjukan salawat dulang bermakna keramaian kerana ada fokus perhatian, seperti pertunjukan sastera lisan, adalah tempat untuk menyampaikan pelajaran-pelajaran hubungan sosial bagi anggota masyarakatnya, terutamanya bagi kanak-kanak dan orang muda. Kata *galanggang* ini amat produktif dalam budaya Minangkabau. Ia terdapat di dalam beberapa kiasan Minangkabau, seperti *Indak basuluah matoari, lah bagalanggang mato rang banyak; ayam lah biaso ka galanggang; alah kalah di galanggang; indak tatampuan galanggang rami*. Galanggang adalah arena untuk bersosialisasi. Itulah sebabnya setiap orang merasa “harus” hadir ke galanggang.

Maka tampaklah sekarang, dalam dunia Melayu, Islam tidak hanya ada di dalam wilayah syariat, tetapi sudah masuk ke dalam wilayah seni dan estetika. Hal ini memberi bukti bahawa Islam telah memberi corak tersendiri kepada kesenian di Melayu. Kemudian pula, dengan salawat dulang ini terbuktikan bahawa teks bercorak Islam dalam sastera Melayu bukan hanya yang bertulis, tetapi juga lisan.